

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD**

**JANOR**

**NAIB CANSELOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS SANJUNGAN BUDI**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DR. AHMAD SAZALI HAMZAH**

**REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**17 FEBRUARI 2023 | JUMAAT | 3.30 PETANG**

**BANGUNAN CANSELERI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera.**

**Yang diraikan,**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah  
Rektor UiTM Cawangan Selangor**

**Dekan-Dekan / Pengarah-Pengarah CoE**

**Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Selangor**

**serta para hadirin sekalian.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T atas segala kurniaan-Nya, dapat kita berkumpul dalam Majlis Sanjungan Budi pada petang ini sempena meraikan persaraan Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah yang mana, hari ini merupakan hari terakhir perkhidmatan beliau.

2. Untuk makluman, Prof. Dr. Ahmad Sazali Hamzah, merupakan seorang sahabat yang telah lama saya kenal. Kepada yang pernah bekerjasama dengan beliau, pasti mengakui bahawa beliau seorang yang berkepimpinan dan berwibawa dalam bidang penyelidikan.

3. Sepanjang 35 tahun perkhidmatan di UiTM, pelbagai jawatan penting pernah disandang bermula dari lantikan sebagai Koordinator di IRDC yang kini dikenali sebagai *Institut of Research Development*, kemudian dilantik sebagai Dekan Fakulti Sains Gunaan dari tahun 2003 sehingga 2005.

4. Di atas komitmen yang diberikan kepada UiTM, pada tahun 2005 hingga 2007, beliau dilantik sebagai Pengarah Institut Sains yang pertama serta dilantik sebagai ahli tetap Institut Kecemerlangan (CoE) UiTM - Institute of Science (IOS).

5. Khidmat baktinya diteruskan dengan menerajui Institut Pengajian Siswazah pada tahun 2008 hingga 2010 sebelum kembali semula ke Pusat Sains.

6. Alhamdulillah, pada 1 Mac 2021, Prof. Dr. Ahmad Sazali telah dipertanggungjawabkan untuk bersama-sama memastikan kelangsungan UiTM sebagai Rektor UiTM Cawangan Selangor sehingga kini.

7. Sepanjang Prof. Bersama UiTM juga, pelbagai pencapaian dan sumbangan yang membanggakan telah diperolehi sehingga beliau dinobatkan sebagai **Tokoh Akademik UiTM** pada tahun 2017. Sumbangan dan jasa Prof. kepada UiTM terhasil dari semangat,

tanggungjawab yang tinggi dan rasa sayang akan UiTM perlu dicontohi oleh kita yang masih di sini.

8. Sesungguhnya UiTM akan kehilangan seorang pakar dalam bidang penyelidikan dengan tamatnya perkhidmatan Prof. Dr Ahmad Sazali bersama UiTM.

9. Namun, dalam rasa yang sukar untuk digambarkan pada hari ini, kami amat gembira dan berbangga dengan kesungguhan dan pencapaian cemerlang yang telah disumbangkan oleh Prof. kepada UiTM.

10. Terima kasih dan tahniah yang tidak terhingga diucapkan daripada saya dan warga UiTM.

11. Diharapkan Prof. Dr Ahmad Sazali akan terus bersama-sama kami untuk terus menyumbang kepada kelestarian Ilmu di UiTM pada masa hadapan.

12. Kami mendoakan agar Prof. Dr. Ahmad Sazali dikurniakan kesihatan yang baik, terus diberkati serta mendapat rahmat dan redha Allah S.W.T.

13. Selamat maju jaya dalam apa sahaja bidang yang diceburi dan selamat bersara.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**